



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/7/2011

# Tidak lupa gema laungan merdeka!



PEMANDANGAN menunjukkan kawasan sekitar Dataran Pahlawan yang telah dibangunkan sebagai destinasi pelancongan dan juga pusat beli-belah. Sebelum ini ia dikenali Padang Banda Hilir iaitu lokasi di mana tarikh kemerdekaan negara diumumkan pada 20 Februari 1956.

**S**EBAIK sahaja Tunku Abdul Rahman mengumumkan tarikh kemerdekaan yang dipersetujui oleh kerajaan British di pentas khas di Padang Banda Hilir pada 20 Februari 1956, laungan kata-kata keramat *merdeka! merdeka! merdeka!* bergema di sekitar kawasan tersebut.

Titisan air mata kelihatan di pipi hadirin malah ramai yang berpelukan walaupun tidak mengenali antara satu sama lain.

Semua itu merupakan rakaman detik-detik sejarah yang berlaku di Padang Banda Hilir pada 55 tahun lalu yang turut terpahat di jiwa besar, Datuk Borhan Md. Yaman, 82.

Walaupun peristiwa bersejarah itu sudah berlaku hampir 55 tahun lalu, namun bagi Borhan yang berada di padang itu bagi menanti pengumuman kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman, ia adalah saat-saat yang sukar dilupakan.

"Suasana di Padang Banda Hilir ketika itu sangat sesak dengan dibanjiri lebih 100,000 orang yang datang dari seluruh negara. Sejak awal pagi mereka sudah berkumpul.

"Tidak pernah saya lihat terlalu ramai orang berhimpun. Ia juga tidak sama ramainya berbanding sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan setiap tahun



BORHAN MD. YAMAN

**Suasana di Padang Banda Hilir ketika itu dibanjiri lebih 100,000 orang yang datang dari seluruh negara. Sejak awal pagi mereka sudah berkumpul**  
- BORHAN MD. YAMAN

kebelakangan ini," kata Borhan yang bertugas sebagai jawatankuasa sambutan Rombongan Merdeka ketika itu.

Ujarnya, beliau sendiri menyaksikan suasana di Padang Banda Hilir yang amat sayu kerana orang ramai berpelukan, bersalaman selain ada yang berlinangan air mata apabila mendapat tahu Tunku Abdul Rahman akan tiba untuk mengumumkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada British.

Borhan yang juga bekas ahli jawatankuasa UMNO Melaka berkata, beliau tidak dapat menggambarkan bagaimana bersemangatnya beliau melaungkan 'merdeka' pada hari itu sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman membuat pengumuman.

"Pekikan *merdeka! merdeka! merdeka!* bergema, semua orang yang hadir begitu bersemangat," katanya.

Begitupun, beliau turut berasa kecewa melihat rakyat Malaysia hari ini tidak begitu menjwai sambutan kemerdekaan yang diadakan setiap tahun.

"Saya sedih melihat sikap sesetengah rakyat apabila terlalu berat mulut hendak melaungkan perkataan merdeka.

"Jika mereka berada di Padang Banda Hilir, sudah tentu semangatnya lain," katanya.